



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN, MALAYSIA SUKU TAHUN KEEMPAT 2024

Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan terus meningkat 0.5 peratus pada Suku Tahun Keempat 2024

PUTRAJAYA, 6 Februari 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia, pada hari ini menerbitkan satu laporan **INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN (IHPRP), SUKU TAHUN KEEMPAT 2024**, yang mengukur perubahan harga pengeluar bagi sektor perkhidmatan tempatan di Malaysia. IHPRP terus menunjukkan trend peningkatan, meningkat 0.5 peratus pada suku tahun keempat 2024 berbanding 0.3 peratus pada suku tahun sebelumnya, mencerminkan peningkatan harga sektor perkhidmatan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan dalam kenyataannya, "Indeks Kesenian, Hiburan & Rekreasi meningkat 6.1 peratus berbanding peningkatan 5.4 peratus pada suku tahun sebelumnya, disumbangkan oleh Aktiviti Hiburan & Rekreasi Lain (1.9%). Sementara itu, indeks Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman terus meningkat 3.1 peratus (ST3 2024: 2.4%), disumbangkan oleh peningkatan indeks Restoran dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan Bergerak (3.4%) dan Aktiviti Perkhidmatan Minuman (3.2%). Indeks Pendidikan meningkat 0.8 peratus, kekal pada kadar yang sama seperti suku tahun sebelumnya, disebabkan oleh Pendidikan Menengah (1.7%). Selain itu, kedua-dua indeks Kesihatan dan Profesional meningkat sebanyak 0.4 peratus."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, "Sebaliknya, indeks Pengangkutan mencatatkan penurunan 2.4 peratus (ST3 2024: -2.0%), disebabkan terutamanya oleh indeks Pengangkutan Penumpang Udara (-9.5%). Indeks Aktiviti Hartanah juga merekodkan penurunan perlahan 0.2 peratus, manakala indeks Maklumat & Komunikasi

turun 0.1 peratus, dipengaruhi oleh penurunan Aktiviti Telekomunikasi Tanpa Wayar (-0.2%).”

Ketua Perangkawan Malaysia mengulas lanjut, “Pada asas suku tahunan, IHPRP meningkat 0.3 peratus, berbanding 0.1 peratus pada suku tahun ketiga 2024. Ini disebabkan oleh peningkatan indeks Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman (1.1%) dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi (0.9%). Selain itu, kedua-dua indeks Profesional dan Kesihatan menunjukkan peningkatan sederhana 0.2 peratus, manakala indeks Pendidikan naik perlahan 0.1 peratus. Sementara itu, indeks Maklumat & Komunikasi dan Aktiviti Hartanah kekal tidak berubah. Namun begitu, indeks Pengangkutan mengalami penurunan 0.6 peratus.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin juga merumuskan bahawa IHPRP mencatatkan peningkatan marginal 0.7 peratus pada 2024, berbanding 2.1 peratus pada 2023. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh indeks Kesenian, Hiburan & Rekreasi (6.7%), diikuti oleh Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman (2.6%) dan Pendidikan (0.8%). Subsektor lain yang mencatatkan peningkatan termasuk indeks Kesihatan dan Aktiviti Hartanah, kedua-duanya meningkat 0.3 peratus, manakala indeks Profesional naik 0.2 peratus. Sebaliknya, indeks Pengangkutan turun 1.4 peratus, manakala indeks Maklumat & Komunikasi kekal tidak berubah.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Jadual 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Suku Tahun Keempat 2024

Subsektor	Indeks			Peratus Perubahan (%)			
	ST4 2023	ST3 2024	ST4 2024	ST4 2024/ ST3 2024	ST4 2024/ ST4 2023	2023	2024
JUMLAH	115.5	115.8	116.1	0.3	0.5	2.1	0.7
Pengangkutan	110.4	108.3	107.7	-0.6	-2.4	2.9	-1.4
Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman	152.7	155.7	157.4	1.1	3.1	5.6	2.6
Maklumat & Komunikasi	101.1	101.0	101.0	0.0	-0.1	0.0	0.0
Aktiviti Hartanah	127.6	127.3	127.3	0.0	-0.2	0.2	0.3
Profesional	104.5	104.7	104.9	0.2	0.4	0.4	0.2
Pendidikan	118.4	119.2	119.3	0.1	0.8	1.0	0.8
Kesihatan	107.9	108.1	108.3	0.2	0.4	0.3	0.3
Kesenian, Hiburan & Rekreasi	108.6	114.2	115.2	0.9	6.1	2.3	6.7

Carta 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Suku Tahunan ST1 2021 – ST4 2024



Carta 2: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Tahunan 2011 - 2024



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
6 FEBRUARI 2025



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

SERVICES PRODUCER PRICE INDEX, MALAYSIA

FOURTH QUARTER 2024

The Services Producer Price Index continued to increase by 0.5 per cent in the Fourth Quarter of 2024

PUTRAJAYA, February 6th, 2025 – The Department of Statistics, Malaysia today released a report of the **SERVICES PRODUCER PRICE INDEX (SPPI), FOURTH QUARTER 2024**, which measures changes in producer prices for Malaysia's domestic services sector. The SPPI continued its upward trend, rising by 0.5 per cent in the fourth quarter of 2024, as compared to 0.3 per cent in the previous quarter, reflecting a rise in services sector pricing.

The Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained, in the statement, “The Arts, Entertainment & Recreation index increased by 6.1 per cent as compared to a 5.4 per cent rise in the previous quarter, driven by Other Entertainment & Recreation Activities (1.9%). Meanwhile, the Accommodation and Food & Beverage Service Activities index continued to increase by 3.1 per cent (Q3 2024: 2.4%), supported by increases in Restaurants and Mobile Food Service Activities (3.4%) and Beverage Service Activities (3.2%) indices. The Education index rose by 0.8 per cent, maintaining the same pace as in the previous quarter, due to Secondary Education (1.7%). Additionally, both Health and Professional indices saw an incline of 0.4 per cent.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added that, “Conversely, the Transportation index posted a decrease of 2.4 per cent (Q3 2024: -2.0%), mainly due to the Air Passenger Transportation index (-9.5%). Similarly, the Real Estate Activities index recorded a slight decrease of 0.2 per cent, while the Information & Communication index edged down by 0.1 per cent, influenced by a decline in the Wireless Telecommunications Activities (-0.2%).”

The Chief Statistician Malaysia further elaborated that, “On a quarter-on-quarter basis, SPPI increased by 0.3 per cent, as compared to 0.1 per cent in the third quarter of 2024. This was driven by increases in Accommodation and Food & Beverage Service Activities (1.1%) and Arts, Entertainment & Recreation (0.9%) indices. Additionally, both Professional and Health indices saw a modest rise of 0.2 per cent, while the Education index edged up by 0.1 per cent. Meanwhile, Information & Communication and Real Estate Activities indices remained unchanged. However, the Transportation index experienced a decline of 0.6 per cent.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also summarised that the SPPI posted a marginal increase of 0.7 per cent in 2024, as compared to a 2.1 per cent rise in 2023. The increase was primarily driven by the Arts, Entertainment & Recreation index (6.7%), followed by Accommodation and Food & Beverage Service Activities (2.6%) and Education (0.8%) indices. Other subsectors that recorded an increase included Health and Real Estate indices, both rising by 0.3 per cent, while the Professional index rose by 0.2 per cent. In contrast, the Transportation index declined by 1.4 per cent, whereas the Information & Communication index remained unchanged.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Table 1: Services Producer Price Index, Fourth Quarter of 2024

Subsector	Index			Percentage Change (%)			
	Q4 2023	Q3 2024	Q4 2024	Q4 2024/ Q3 2024	Q4 2024/ Q4 2023	2023	2024
TOTAL	115.5	115.8	116.1	0.3	0.5	2.1	0.7
Transportation	110.4	108.3	107.7	-0.6	-2.4	2.9	-1.4
Accommodation and Food & Beverage Service Activities	152.7	155.7	157.4	1.1	3.1	5.6	2.6
Information & Communication	101.1	101.0	101.0	0.0	-0.1	0.0	0.0
Real Estate Activities	127.6	127.3	127.3	0.0	-0.2	0.2	0.3
Professional	104.5	104.7	104.9	0.2	0.4	0.4	0.2
Education	118.4	119.2	119.3	0.1	0.8	1.0	0.8
Health	107.9	108.1	108.3	0.2	0.4	0.3	0.3
Arts, Entertainment & Recreation	108.6	114.2	115.2	0.9	6.1	2.3	6.7

Chart 1: Quarterly Services Producer Price Index, Q1 2021 – Q4 2024





Chart 2: Annual Services Producer Price Index, 2011 - 2024



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
6th FEBRUARY 2025**